

KONSEP PELANCONGAN MASJID GAYA MALAYSIA: CABARAN DAN STRATEGI

Noor Fiteri bin Abdullah¹, & Masnisah binti Mukhtar²,

¹Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman.

²Jabatan Pengajian Am, Politeknik Hulu Terengganu, Jalan Pengkalan Gawi - Tasik Kenyir, Kuala Jeneris, 21700 Kuala Berang, Terengganu.

Corresponding Author: Noor Fiteri bin Abdullah. Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman. Email: imarahcentre@gmail.com

Abstrak

Pelancongan masjid di Malaysia dilihat sebagai satu pendekatan yang mampu memperkukuh fungsi sosial institusi masjid, di samping memperluas peranan masjid dalam kerangka pelancongan Islam. Kajian ini bertujuan meneroka strategi dan cabaran pelaksanaan konsep pelancongan masjid gaya Malaysia yang berteraskan nilai komuniti, dakwah, dan pemeliharaan kesucian institusi masjid. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan meneliti kandungan sumber seperti literatur akademik hasil kajian terdahulu yang berkaitan dengan pelancongan masjid. Dapatan menunjukkan bahawa model Malaysia menampilkan ciri yang tersendiri berbanding pendekatan antarabangsa, dengan menekankan integrasi harmoni antara fungsi ibadah dan pengalaman pelawat dalam situasi yang beretika, mendidik dan inklusif. Kajian ini seterusnya mengemukakan kerangka konseptual pelancongan masjid yang bersifat holistik, meliputi aspek tadbir urus, pendidikan, infrastruktur dan pengupayaan ekonomi komuniti. Kesimpulannya, pelancongan masjid berpotensi menjadi platform pengukuhan peranan sosial masjid serta pembangunan komuniti sekiranya dilaksanakan secara berstrategi dan berpanduan nilai Islam yang syumul.

Kata kunci: cabaran, fungsi sosial, pelancongan masjid, potensi, strategi

THE MALAYSIAN-STYLE MOSQUE TOURISM CONCEPT: CHALLENGES AND STRATEGIES

Abstract

Mosque tourism in Malaysia is viewed as an approach capable of strengthening the social functions of mosque institutions, while expanding their role within the framework of Islamic tourism. This study aims to explore the strategies and implementation challenges of the

Malaysian-style mosque tourism concept, which is grounded in community values, dakwah, and the preservation of the sanctity of the mosque institution. A qualitative approach is employed by examining content from academic literature and previous studies related to mosque tourism. The findings indicate that the Malaysian model exhibits distinctive features compared to international approaches, emphasizing a harmonious integration between religious functions and visitor experiences in an ethical, educational, and inclusive manner. This study further proposes a holistic conceptual framework for mosque tourism, encompassing aspects of governance, education, infrastructure, and community economic empowerment. In conclusion, mosque tourism has the potential to serve as a platform for strengthening the social role of mosques and community development if implemented strategically and guided by comprehensive Islamic values.

Keywords: *challenges, social functions, mosque tourism, potential, strategies*

Received: November 10, 2025

Accepted: December 03, 2025

Online Published: December 31, 2025

1. Pendahuluan

Pelancongan masjid semakin mendapat perhatian dalam wacana pelancongan Islam di peringkat global, didorong oleh minat terhadap keindahan seni bina, ketinggian nilai warisan, dan pengalaman budaya yang ditonjolkan oleh institusi masjid. Kajian empirikal membuktikan ia bukan sekadar retorik sebaliknya telah menjadi fokus penyelidikan. Sebagai contoh, Navajas-Romero et al. (2020) menilai kesetiaan pelancong terhadap pelancongan masjid melalui kajian kes Masjid Agung Cordoba di Sepanyol manakala Moghavvemi et al. (2021) meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan pelancongan masjid di Malaysia.

Walaupun kajian terdahulu memperlihatkan jumlah penerbitan tentang pelancongan Islam meningkat pesat, tumpuan khusus terhadap masjid sebagai destinasi pelancongan yang berperanan bukan sahaja sebagai pusat ibadah tetapi juga agen pendidikan, program sosial dan ekonomi masih terbatas (Asif et al., 2021). Jurang ini menuntut analisis kritikal terhadap tadbir urus pelancongan masjid, khususnya dalam konteks Malaysia, bagi memperkukuh kelestarian model pelancongan masjid gaya Malaysia serta meningkatkan penerimaan pada peringkat global.

2. Pernyataan Masalah

Di Malaysia konsep pelancongan masjid mengambil pendekatan yang lebih sederhana, berbeza dengan luar negara yang mempromosikan masjid sebagai mercu tanda pelancongan nasional. Tiada perancangan komprehensif untuk menjadikan pelancongan sebagai agenda utama institusi masjid; sebaliknya masjid kekal berfungsi sebagai pusat ibadah, pendidikan dan kegiatan komuniti umat Islam. Tarikan pelancongan dipasarkan melalui keindahan seni bina digabungkan dengan keunikan warisan tempatan, sebagaimana yang dilihat pada masjid-masjid yang diktiraf sebagai destinasi tarikan pelancongan oleh pihak berautoriti dalam negara (Islamic Tourism Centre, 2025). Pendekatan sederhana ini dipengaruhi oleh dua faktor utama: pertama, struktur pentadbiran agama negeri-negeri yang mengawal penggunaan ruang masjid; kedua, keterbatasan sumber kewangan dan kapasiti pengurusan

(Mohamed et al., 2023). Justeru, akses pelawat bukan Muslim tetap dibenarkan, tetapi secara terkawal dan beretika (Utaberta et al., 2015). Dari segi implikasi, pendekatan berpusatkan ibadah dan komuniti ini menjadikan pelancongan sebagai pelengkap kepada fungsi asal masjid menyokong dakwah, pendidikan dan penglibatan komuniti namun dalam masa yang sama menimbulkan cabaran baharu berkaitan tadbir urus dan profesionalisme pengurusan pelancongan.

Bagi menangani isu tersebut, artikel ini menetapkan objektif kajian iaitu:

1. Menganalisis perbezaan antara model pelancongan masjid antarabangsa dan Malaysia.
2. Mengenal pasti cabaran utama pembangunan pelancongan masjid di Malaysia.
3. Merumuskan strategi yang sesuai untuk memperkukuh model *pelancongan masjid gaya Malaysia*.

Sehubungan itu, persoalan kajian yang dirumuskan adalah:

1. Bagaimanakah perbezaan antara model pelancongan masjid antarabangsa dengan model Malaysia?
2. Apakah cabaran utama yang dihadapi dalam membangunkan pelancongan masjid di Malaysia?
3. Strategi apakah yang sesuai untuk memperkukuh model pelancongan masjid gaya Malaysia?

3. Sorotan Literatur

3.1 Model Pelancongan Masjid Antarabangsa

Di peringkat antarabangsa, pelancongan masjid lazimnya dibangunkan secara terancang sebagai destinasi tarikan pelancong, disokong oleh dasar kerajaan serta pengurusan profesional (Kessler, 2016). Negara-negara Timur Tengah seperti Maghribi, Emiriah Arab Bersatu dan Oman telah menjadikan pelancongan masjid sebagai sebahagian daripada strategi pelancongan nasional, dengan penekanan kepada aspek kehalusan seni bina, pengalaman spiritual serta infrastruktur mesra pelawat (Kessler & Raj, 2018). Turkiye pula menekankan integrasi masjid bersejarah dalam pakej pelancongan, sejajar dengan usaha memperkukuh nilai warisan agama dalam sektor pelancongan (Egresi et al., 2012). Di Eropah, Sepanyol memperlihatkan bagaimana masjid berperanan dalam pelancongan warisan dan budaya (Navajas-Romero et al., 2020), manakala Jerman menekankan penyediaan pemandu pelancong bertaauliah bagi tujuan interpretasi lawatan masjid (Becker, 2018). Walaupun pendekatan ini berjaya meningkatkan nilai ekonomi dan populariti global, ia turut menimbulkan persoalan kritikal mengenai sejauh mana elemen komersial dapat diseimbangkan dengan fungsi asal masjid sebagai pusat ibadah dan institusi sosial.

Pelancongan masjid di peringkat antarabangsa lazimnya berkembang secara terancang melalui sokongan kerajaan, yayasan khas, dan pengurusan profesional. Masjid sering diposisikan sebagai mercu tanda pelancongan nasional dengan seni bina monumental, fasiliti bertaraf dunia, serta program interpretasi khusus untuk pelawat.

Masjid Agung Sheikh Zayed di Emiriah Arab Bersatu, sebuah masjid ikonik yang menerima jutaan pelawat setiap tahun dan dikelola oleh sebuah pusat pengurusan khas dengan pakej lawatan berpandu, program pendidikan, dan infrastruktur bertaraf global (Sheikh Zayed Grande Mosque Centre, 2025). Di Maghribi pula, pengurusan masjid dilaksanakan di bawah yayasan khusus yang membangunkannya sebagai kompleks

bersepadu merangkumi muzium, akademi seni, dan pusat budaya (Casablanca Hassan II Mosque, 2025). Sementara itu, di Turkiye, kewujudan Masjid Sultan Ahmad atau dikenali sebagai Masjid Biru dibina untuk menandingi gereja Hagia Sophia pada awalnya, dibuka kepada pelawat bukan Muslim melalui kerjasama dengan agensi pelancongan yang menyediakan jurupandu bertauliah (Aizid, 2023; Blue Mosque Tickets & Tours, 2024)

Analisis kesemua contoh ini menunjukkan bahawa model antarabangsa menekankan aspek komersial warisan, tadbir urus yang profesional, serta pembinaan imej yang popular, menjadikan masjid sebagai produk pelancongan global yang mampu menarik pelawat dari pelbagai latar budaya dan agama.

3.2 Model Pelancongan Masjid di Malaysia

Sebaliknya, di Malaysia, konsep pelancongan masjid berkembang secara lebih sederhana. Masjid kekal berfungsi sebagai pusat ibadah, pendidikan, dan komuniti, dengan tarikan pelancongan berasaskan seni bina dan warisan tempatan. Islamic Tourism Centre (2025) telah mengiktiraf beberapa buah masjid sebagai destinasi pelancongan, namun tahap pengurusan masih bergantung pada autoriti agama negeri, jawatankuasa kariah, dan sukarelawan. Faktor ini menyebabkan pengalaman pelawat berbeza-beza dan menghadapi isu keterbatasan fasiliti serta kekurangan modul interpretasi yang standard.

Berbeza dengan pendekatan antarabangsa, pelancongan masjid di Malaysia berkembang secara lebih sederhana. Masjid pada asasnya sebagai pusat ibadah, pendidikan, dan kegiatan komuniti, manakala tarikan pelancongan lahir daripada keindahan seni bina, nilai warisan, serta identiti tempatan. Masjid Jamek Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur, yang merupakan masjid tertua di ibu negara, pada asalnya berfungsi sebagai pusat ibadah utama sebelum kewujudan Masjid Negara. Namun, dengan kedudukannya di kawasan bersejarah, ia kini menjadi tarikan warisan bandar yang mendapat perhatian pelancong tempatan dan antarabangsa (Kementerian Wilayah Persekutuan, 2022; Marzuki et al., 2021). Masjid Negara pula dibina pada tahun 1965 sebagai simbol kemerdekaan, perpaduan, dan identiti Islam Malaysia, dan sejak itu menjadi salah satu destinasi pelancongan utama dengan program *Mosque Tour Guide* (MTG) yang memperkenalkan Islam kepada pelawat bukan Muslim (Masjid Negara, 2024; Mosque Tour Malaysia, 2024; Rozali & Idris, 2021).

Walaupun masjid di Malaysia tidak dibina khusus untuk tujuan pelancongan, pihak berkuasa telah mula mengenal pasti potensinya sebagai produk pelancongan Islam melalui inisiatif strategik. *Islamic Tourism Centre* (ITC) telah memainkan peranan penting dengan menganjurkan persidangan meja bulat yang menekankan keperluan menjadikan masjid lebih mesra pelawat, termasuk menyediakan lawatan berpandu untuk bukan Muslim dengan garis panduan keselamatan tertentu. Selain itu, ITC juga membiayai penghasilan laporan profil yang mengenal pasti masjid berpotensi di sepanjang koridor pelancongan negara untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan, termasuk cadangan penambahbaikan fasiliti dan strategi pemasaran (Islamic Tourism Centre, 2021).

Namun, berbanding dengan model antarabangsa yang biasanya ditadbir oleh yayasan atau pusat pengurusan profesional khusus, pelancongan masjid di Malaysia berdepan dengan isu pengurusan yang tidak seragam. Setiap masjid berada di bawah pentadbiran berbeza sama ada pihak berkuasa agama negeri, jawatankuasa masjid, atau sukarelawan, menjadikan tahap profesionalisme serta fasiliti untuk pelawat berbeza-beza (Sulaiman et al., 2008). Hal ini lebih ketara kerana kebanyakan program *Mosque Tour Guide* (MTG) di Malaysia digerakkan oleh **sukarelawan**, dengan struktur latihan yang minimum

atau insentif kewangan yang tidak konsisten (Zulhaimi et al., 2019). Akibatnya, kualiti pengalaman pelawat banyak bergantung pada semangat individu dan inisiatif komuniti setempat, bukan garis panduan nasional yang seragam.

3.3 Cabaran dan Jurang Penyelidikan

Sorotan literatur menunjukkan bahawa plancongan masjid antarabangsa lebih menekankan aspek ekonomi, monumentaliti, dan profesionalisme pengurusan, manakala Malaysia lebih menonjolkan kesinambungan fungsi ibadah dan komuniti. Walaupun pendekatan Malaysia dianggap lebih inklusif, beberapa cabaran utama masih ketara, iaitu:

1. Tadbir urus yang tidak seragam bergantung pada struktur negeri dan kariah, tanpa garis panduan nasional (Mohamed et al., 2023) .
2. Kualiti pengalaman pelawat yang tidak konsisten bergantung pada sukarelawan dan fasiliti asas (Zulhaimi et al., 2019).
3. Sensitiviti masyarakat terhadap keterbukaan masjid kepada pelawat bukan Muslim, yang menimbulkan dilema antara dakwah dan konservatisme (Utaberta et al., 2015).

Jurang penyelidikan yang jelas ialah ketiadaan kajian komprehensif yang membina kerangka konseptual plancongan masjid gaya Malaysia. Kebanyakan kajian terdahulu bersifat deskriptif atau kes tempatan, tetapi kurang menghubungkan isu pengurusan, hospitaliti Islamik, dan strategi pembangunan mampan dalam model bersepadu. Oleh itu, kajian ini hadir untuk mengisi jurang tersebut dengan menawarkan analisis kritikal serta strategi pembangunan berasaskan konteks Malaysia.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur dan dokumen berkaitan plancongan masjid daripada pelbagai sumber. Kaedah ini dipilih memandangkan keterbatasan data empirikal dalam bidang, sekali gus memerlukan analisis konseptual dan perbandingan maklumat untuk membina asas pemahaman yang lebih mendalam. Analisis literatur berfungsi untuk membina asas pemahaman konseptual dengan membandingkan pelbagai konteks dan model pembangunan (Creswell & Creswell, 2018; Snyder, 2019).

Sumber data merangkumi artikel akademik, bab dalam buku akademik, laporan dasar, dan laman sesawang. Antara rujukan utama ialah Kessler (2016) yang memperkenalkan plancongan masjid sebagai sebahagian daripada plancongan agama dan Islam, Kessler & Raj (2018) membincangkan pembangunan plancongan masjid dalam konteks negara Oman, Moghavvemi et al. (2021) yang mengenal pasti faktor motivasi pelawat Muslim dan bukan Muslim di Malaysia; serta Azizan et al. (2023) yang meneliti tahap kepuasan plancong berdasarkan tarikan destinasi dan pengurusan masjid di Malaysia, Thailand, dan Indonesia. Selain itu, kajian tempatan oleh Noor Fiteri & Rita Nurshahrizad (2018) berhubung imarah masjid melalui medium plancongan, serta Umar & Ashaari (2019) tentang pelaksanaan dan pengurusan masjid plancongan di Malaysia turut digunakan untuk memperkukuh perspektif domestik.

Di samping itu, dokumen rasmi seperti Polisi Plancongan Kebangsaan Malaysia 2020–2030 Ministry of Tourism (2020) serta laporan strategik institusi plancongan Islam dijadikan asas perbandingan. Sumber antarabangsa pula diperolehi daripada laman sesawang rasmi institusi seperti Sheikh Zayed Grand Mosque Centre (UAE), Masjid Hassan II

(Maghribi), dan Masjid Biru (Turkiye), memberikan gambaran tentang amalan pengurusan dan strategi pelancongan masjid di luar negara.

4.1 Teknik Analisis

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan pendekatan tematik sebagaimana digariskan oleh Braun & Clarke (2006) serta diperkembangkan oleh Vaismoradi et al. (2016). Analisis ini melibatkan tiga tahap utama. Pertama, proses pengumpulan literatur dilakukan dengan menapis artikel, bab buku, dokumen dasar, dan laporan yang relevan mengikut tema pelancongan masjid, termasuk aspek dakwah, hospitaliti, tadbir urus, dan pembangunan pelancongan. Kedua, maklumat yang diperoleh dikodkan secara sistematis bagi mengklasifikasikan isu-isu utama, seperti perbandingan model antarabangsa dan Malaysia, pendekatan pengurusan profesional berbanding sukarela, serta orientasi monumental berbanding berpusatkan komuniti. Ketiga, hasil pengkodan tersebut disintesis untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara pelbagai konteks, serta merumuskan jurang yang wujud. Melalui proses ini, kajian dapat membentuk kerangka konseptual pelancongan masjid gaya Malaysia yang bersifat integratif dan berasaskan realiti tempatan.

4.3 Justifikasi dan Batasan

Penggunaan analisis literatur dalam kajian ini adalah bertepatan kerana ia membolehkan triangulasi pelbagai sumber, termasuk artikel akademik, bab buku, dokumen dasar, dan laporan institusi, bagi menghasilkan pemahaman konseptual yang menyeluruh (Bowen, 2009; Snyder, 2019). Kaedah ini juga sesuai memandangkan bidang pelancongan masjid masih baharu dan data empirikal lapangan masih terbatas, justeru analisis sekunder dapat menyediakan asas teori yang kukuh untuk pembentukan model. Walau bagaimanapun, pendekatan ini turut mempunyai batasan kerana bergantung sepenuhnya pada data sekunder yang mungkin tidak menggambarkan secara menyeluruh kepelbagaian pengalaman pelawat di semua masjid pelancongan di Malaysia. Justeru, dapatan yang diperoleh perlu dilihat sebagai kerangka konseptual awal yang memerlukan pengesahan lanjut melalui kajian lapangan pada masa hadapan.

5. Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi utama kedua-dua masjid dalam menyediakan penginapan adalah berasaskan gagasan imarah masjid, iaitu memperluas fungsi masjid sebagai pusat kebajikan dan sosial.

5.1 Sintesis Perbandingan Model Antarabangsa dan Malaysia

Walaupun pelancongan masjid telah berkembang dalam pelbagai konteks antarabangsa, tidak semua model sesuai untuk diaplikasikan secara langsung di Malaysia. Terdapat perbezaan dari segi orientasi, tadbir urus, dan peranan komuniti yang mencorakkan bentuk pelaksanaan. Model antarabangsa lazimnya digerakkan oleh dasar kerajaan dan kepentingan ekonomi, manakala di Malaysia fungsi masjid masih berpaksikan ibadah dan kebajikan

komuniti. Justeru, analisis perbandingan ini penting bagi menilai sejauh mana elemen antarabangsa boleh dijadikan rujukan tanpa mengabaikan realiti tempatan. Jadual 1 merumuskan perbezaan utama antara kedua-dua model.

Jadual 1: Perbandingan Model Pelancongan Masjid Antarabangsa dan Malaysia

Aspek	Model Antarabangsa	Model Malaysia
Orientasi	Didorong oleh dasar kerajaan, strategi pelancongan nasional, dan tujuan ekonomi.	Berasaskan fungsi ibadah dan komuniti, pelancongan sebagai elemen pelengkap.
Tadbir urus	Diurus secara profesional melalui yayasan, agensi khusus, dan staf terlatih.	Dikendalikan oleh autoriti agama negeri/kariah, banyak bergantung pada sukarelawan.
Identiti & Fokus	Penekanan pada seni bina monumental, warisan sejarah, dan imej global.	Menonjolkan seni bina tempatan, warisan komuniti, serta fungsi sosial-dakwah.
Pengalaman pelawat	Lawatan berpandu formal, pemandu bertauliah, kemudahan lengkap (muzium, pusat budaya).	Lawatan santai melalui sukarelawan (MTG), fasiliti asas, pengalaman berbeza mengikut masjid.
Hasil & Implikasi	Meningkatkan imej negara dan menjana pendapatan pelancongan.	Menguukuhkan dakwah, memelihara fungsi ibadah, serta menyumbang secara kecil pada ekonomi komuniti.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, perbezaan antara model antarabangsa dan Malaysia amat ketara daripada segi orientasi, tadbir urus, dan hasil. Model antarabangsa bersifat lebih terancang, dengan sokongan kerajaan dan struktur profesional yang memaksimumkan potensi ekonomi dan imej negara di mata dunia. Sebaliknya, model Malaysia berkembang secara inisiatif imarah masjid daripada segi fungsi ibadah dan komuniti, serta menjadikan pelancongan sebagai nilai tambah kepada pembanguna masjid itu sendiri.

Walaupun Malaysia dilihat ketinggalan dalam aspek komersialisasi dan profesionalisme pengurusan, model ini mempunyai keunikan tersendiri kerana mengekalkan dimensi dakwah, sosial, dan hospitaliti Islamik yang jarang diketengahkan dalam model antarabangsa. Justeru, perbezaan ini membuka ruang kepada pembinaan kerangka pelancongan masjid gaya Malaysia yang bukan sahaja inklusif tetapi juga mampu menawarkan nilai tambah kepada wacana pelancongan Islam global.

5.2 Dimensi Dakwah dan Pendidikan

Salah satu ciri unik model pelancongan masjid di Malaysia ialah integrasi fungsi dakwah dan pendidikan ke dalam pengalaman pelancongan. Tidak seperti kebanyakan masjid antarabangsa yang lebih berorientasikan keindahan seni bina atau komersial (Mosque Tour Malaysia, 2024), masjid di Malaysia mengekalkan misi asalnya sebagai pusat penyebaran ilmu dan nilai Islam, sambil membuka ruang interaksi yang lebih inklusif dengan pelawat.

Program *Mosque Tour Guide* (MTG) di Masjid Negara, misalnya, menekankan penerangan mengenai nilai Islam, adab, dan sejarah masjid kepada pelawat (Rozali & Idris, 2021). Pendekatan ini selaras dengan dapatan Abdul Aziz et al. (2016) menegaskan bahawa

masjid di Malaysia berfungsi bukan sahaja sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai ruang sosial, pendidikan, dan dakwah yang mampu menarik pelawat melalui aktiviti komuniti yang terbuka.

Selain itu, kajian Noor Fiteri & Rita Nurshahrizad (2018) menegaskan bahawa pelancongan masjid di Malaysia sering dipacu oleh konsep imarah masjid, di mana penglibatan sukarelawan dan jawatankuasa masjid menjadi asas dalam menyampaikan mesej Islam kepada pengunjung. Walaupun wujud cabaran dari segi latihan formal dan standardisasi modul lawatan, pendekatan ini dianggap lebih mesra kerana memberi peluang kepada pelawat berinteraksi terus dengan masyarakat Islam tempatan.

Daripada perspektif ini, pelancongan masjid gaya Malaysia menawarkan nilai tambah yang berbeza berbanding model antarabangsa: ia bukan sekadar pameran seni bina atau destinasi warisan, tetapi juga platform untuk memperkenalkan Islam sebagai agama yang inklusif, mendidik, dan berperanan sosial (Azarudin et al., 2019). Justeru, pelancongan masjid di Malaysia boleh dilihat sebagai pelancongan berorientasikan dakwah, yang mengekalkan kesucian fungsi ibadah sambil mengukuhkan persefahaman antara agama dan budaya.

5.3 Kepuasan Pelawat dan Hospitaliti Islamik.

Dimensi penting dalam pelancongan masjid ialah tahap kepuasan pelawat yang secara langsung dipengaruhi oleh kualiti pengurusan, fasiliti, dan bentuk hospitaliti Islamik yang ditawarkan. Dalam konteks Malaysia, kepuasan pelawat bukan sahaja bergantung kepada aspek fizikal masjid seperti keindahan seni bina dan kemudahan asas, tetapi juga pada interaksi dengan sukarelawan dan pengalaman pembelajaran tentang Islam.

Kajian Azizan et al. (2023) yang membandingkan pengalaman pelancong di Malaysia, Thailand, dan Indonesia mendapati bahawa kepuasan pelawat di Malaysia banyak dipengaruhi oleh lima faktor utama: kemudahan asas (penginapan, pengangkutan, kebersihan), produk pelancongan spiritual dan budaya (suasana, iklim, aktiviti), hospitaliti dan keselamatan, kualiti pengalaman masjid (akses, kebersihan, program pendidikan) serta penghormatan terhadap norma budaya dan agama. Analisis ini menunjukkan bahawa kepuasan tidak hanya bergantung pada tarikan seni bina, tetapi juga pada sejauh mana masjid mampu menawarkan pengalaman holistik yang menggabungkan keselesaan fizikal, keselamatan sosial, dan nilai interaksi beretika.

Namun, dapatan yang sama juga menegaskan bahawa tahap kepuasan pelawat di Malaysia masih tidak konsisten kerana bergantung kepada bentuk pengurusan masjid yang berbeza. Masjid utama seperti Masjid Negara dan Masjid Putra menunjukkan tahap hospitaliti yang tinggi melalui MTG dan modul penerangan rasmi, manakala masjid lain yang kurang tersusun pengurusannya memberi pengalaman pelancongan yang lebih terbatas (Yusop & Man, 2016). Pergantungan kepada sukarelawan tanpa latihan formal atau insentif tetap turut menyebabkan variasi dalam kualiti penyampaian maklumat.

Secara keseluruhannya, tahap kepuasan pelawat dalam pelancongan masjid di Malaysia masih bergantung kepada dua faktor utama: pertama, aspek pengurusan formal dan fasiliti fizikal yang memerlukan sokongan dasar serta peruntukan lebih sistematik; dan kedua, hospitaliti Islamik berasaskan sukarela yang mesra komuniti tetapi masih belum seragam dari segi latihan dan modul. Situasi ini menggambarkan bahawa walaupun Malaysia memiliki kekuatan unik dalam aspek dakwah dan interaksi pelawat, ketiadaan

standard pengurusan yang konsisten telah mewujudkan pengalaman yang berbeza-beza antara satu masjid dengan yang lain.

Justeru, cabaran utama bagi pelancongan masjid di Malaysia bukan sekadar membangunkan fasiliti atau menambah jumlah pelawat, tetapi bagaimana untuk menyeragamkan pengurusan, memperkukuh peranan sukarelawan, dan merangka strategi pembangunan yang mampan agar kepuasan pelawat dapat dipertingkatkan tanpa mengorbankan fungsi asal masjid sebagai pusat ibadah dan komuniti.

5.4 Cabaran dan Strategi Pembangunan Pelancongan Masjid di Malaysia.

Pelancongan masjid di Malaysia berdepan dengan beberapa cabaran utama, khususnya dalam aspek pengurusan, fasiliti, dan persepsi masyarakat. Pengurusan yang tidak seragam kerana ditadbir oleh pihak berkuasa agama negeri, jawatankuasa kariah, atau sukarelawan menyebabkan pengalaman pelawat berbeza-beza antara masjid. Program Mosque Tour Guide (MTG) pula kebanyakannya dijalankan secara sukarela tanpa latihan formal dan insentif tetap, menjadikan tahap kualiti penerangan serta hospitaliti Islamik bergantung pada semangat individu (Mosque Tour Malaysia, 2024).

Bagi mengatasi cabaran tersebut, beberapa strategi boleh dipertimbangkan. Standardisasi garis panduan nasional yang merangkumi modul penerangan dakwah, tatacara hospitaliti Islamik, dan kod etika lawatan perlu dibangunkan agar pengalaman pelawat lebih konsisten. Sukarelawan MTG wajar diperkasa melalui latihan formal, pensijilan, dan pemberian insentif asas supaya kualiti penyampaian maklumat lebih terjamin. Penambahbaikan fasiliti pelancongan seperti papan tanda multibahasa, brosur interpretasi, aplikasi digital, dan kemudahan asas yang selesa juga perlu dilaksanakan secara meluas. Di samping itu, Islamic Tourism Centre (ITC) boleh memainkan peranan strategik dalam promosi digital serta penyelarasan pengurusan dengan pihak berkuasa agama dan komuniti masjid. Melalui pendekatan ini, pelancongan masjid di Malaysia berpotensi berkembang sebagai model rujukan pelancongan Islam yang autentik, inklusif, dan berasaskan komuniti.

Jadual 2: Cabaran dan Strategi Pembangunan Pelancongan Masjid di Malaysia

Cabaran	Strategi Dicadangkan
Pengurusan tidak seragam (negeri, kariah, sukarelawan) pengalaman pelawat berbeza	Bangunkan garis panduan nasional dan standard operasi (SOP) pengurusan pelancongan masjid
Program MTG berasaskan sukarela tanpa latihan formal / insentif tetap	Latihan formal, pensijilan, dan pemberian insentif asas untuk sukarelawan MTG
Kekurangan fasiliti mesra pelawat (papan tanda, brosur, interpretasi multibahasa) di kebanyakan masjid	Penambahbaikan fasiliti interpretasi, penyediaan bahan digital & fizikal dalam pelbagai bahasa
Sensitiviti masyarakat terhadap keterbukaan masjid kepada bukan Muslim	Garis panduan etika lawatan yang jelas dan kempen kesedaran untuk masyarakat dan pelawat
Promosi tidak menyeluruh, hanya fokus masjid utama (Masjid Negara, Masjid Putra)	Peranan aktif ITC dan pelancongan negeri untuk promosi digital & pakej pelancongan komuniti

Berdasarkan analisis, kajian ini mengemukakan kerangka konseptual pelancongan masjid gaya Malaysia yang menekankan keseimbangan antara empat dimensi utama:

- (i) tadbir urus yang lebih seragam dan profesional,
- (ii) pendidikan serta dakwah yang inklusif,
- (iii) infrastruktur dan fasiliti mesra pelawat, serta
- (iv) pengupayaan ekonomi komuniti setempat melalui aktiviti pelancongan berasaskan masjid.

Kerangka ini menggambarkan pendekatan holistik yang bukan sahaja menyokong fungsi ibadah, tetapi turut menjadikan masjid sebagai pusat integrasi sosial, budaya, dan pelancongan Islam yang mampan.


Kesimpulannya, pelancongan masjid di Malaysia berpotensi memperkuat peranan sosial institusi masjid sambil memperluas fungsinya dalam kerangka pelancongan Islam. Berbanding model antarabangsa yang lebih menekankan monumentaliti dan komersialisasi, model Malaysia lebih berakar pada dakwah, komuniti, dan hospitaliti Islamik. Melalui kerangka konseptual yang merangkumi aspek tadbir urus, pendidikan, infrastruktur, dan pengupayaan ekonomi komuniti, kajian ini menegaskan bahawa pembangunan pelancongan masjid wajar dilaksanakan secara berstrategi, beretika, dan berpaksikan nilai Islam yang syumul agar ia mampu menyumbang kepada kesejahteraan ummah dan memperkuat kedudukan Malaysia dalam pelancongan Islam global.

5.5 Kerangka Konseptual Pelancongan Masjid Gaya Malaysia

Hasil daripada sintesis literatur dan analisis perbandingan, kajian ini mencadangkan kerangka konseptual yang menampilkan ciri-ciri pelancongan masjid gaya Malaysia. Kerangka ini menekankan keseimbangan antara fungsi ibadah, dimensi dakwah, keperluan komuniti, dan pengalaman pelawat. Keempat-empat dimensi ini saling melengkapi dan perlu disokong oleh tadbir urus yang berkesan serta strategi pembangunan yang mampan.

1. Dimensi ibadah menjadi teras kepada identiti masjid. Segala bentuk aktiviti pelancongan perlu mengekalkan kesucian ruang ibadah, memastikan adab dan tatacara yang sesuai, serta mengutamakan fungsi masjid sebagai rumah Allah.
2. Dimensi dakwah dan pendidikan berperanan menghubungkan pelawat dengan kefahaman Islam melalui aktiviti lawatan berpandu, dialog antara agama, dan penyampaian ilmu yang mesra budaya. Ini menjadikan masjid bukan sahaja tempat ziarah, tetapi juga medium pencerahan dan interaksi sosial.
3. Dimensi komuniti menegaskan pentingnya keterlibatan masyarakat setempat dalam mengurus, menyambut, dan memakmurkan masjid. Penglibatan komuniti bukan sahaja memupuk rasa memiliki, tetapi juga memperkuat nilai sosial dan ekonomi melalui aktiviti keusahawanan kecil serta hospitaliti sukarela.
4. Dimensi pengalaman pelawat menitikberatkan aspek hospitaliti Islamik, kemudahan mesra pelawat, serta pengurusan lawatan yang sistematik. Kepuasan pelawat bukan sahaja ditentukan oleh keindahan seni bina, tetapi juga oleh kualiti interaksi, kemudahan akses, dan keberkesanan interpretasi lawatan.

Kesemua dimensi ini disatukan dalam kerangka konseptual Pelancongan Masjid Gaya Malaysia, yang meletakkan tadbir urus bersepadu sebagai landasan utama. Tadbir urus ini perlu menggabungkan profesionalisme pengurusan dengan semangat sukarelawan komuniti, disokong oleh dasar kerajaan dan strategi promosi digital.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Pelancongan Masjid Gaya Malaysia

Rajah 1 menggambarkan kerangka konseptual pelancongan masjid gaya Malaysia yang dirumuskan daripada sintesis literatur dan analisis kritikal. Model ini berpusat kepada empat dimensi utama iaitu fungsi Ibadah, dakwah dan pendidikan, pemeriksaan komuniti, dan pengalaman pelawat. Ketiga-tiga dimensi ini saling berhubungan secara dinamik, dengan pelancongan masjid gaya Malaysia sebagai teras yang menyatukan kepelbagaian fungsi masjid.

Kerangka ini turut menekankan peranan tadbir urus bersepadu sebagai faktor penggerak dalam memastikan keseimbangan antara ibadah, pendidikan dan dakwah, pemeriksaan komuniti, dan pengalaman pelawat dapat dicapai. Dalam konteks ini, fungsi ibadah mengekalkan kesucian masjid sebagai rumah Allah, dakwah dan pendidikan dapat menginterpretasi Islam secara neutral, pemeriksaan komuniti melibatkan sukarelawan dan aktiviti sosial, manakala pengalaman pelawat memberi fokus kepada hospitaliti Islamik, fasiliti, dan kepuasan pengunjung.

Keseluruhannya, kerangka ini menampilkan pelancongan masjid gaya Malaysia sebagai model alternatif yang memelihara identiti masjid sebagai institusi ibadah, dan memperkukuh dimensi sosial dan hospitaliti sebagai nilai tambah dalam segmen pelancongan Islam global.

Penutup

Kajian ini menegaskan bahawa pelancongan masjid di Malaysia berkembang dengan pendekatan yang berbeza berbanding model antarabangsa. Walaupun masjid di negara lain sering dijadikan mercu tanda pelancongan nasional dengan penekanan kepada seni bina monumental, warisan sejarah, dan hasil ekonomi, model Malaysia lebih menonjolkan integrasi fungsi ibadah, pendidikan, pemerikasaan komuniti, dan hospitaliti Islamik. Analisis ini menunjukkan bahawa keunikan Malaysia terletak pada keupayaan mengekalkan kesucian fungsi masjid sambil membuka ruang untuk dakwah, dialog antara agama, dan kepuasan pelawat.

Melalui perbandingan model, kajian ini merumuskan beberapa cabaran utama dalam konteks Malaysia, termasuk isu tadbir urus yang tidak seragam, keterbatasan sumber manusia profesional, dan kekangan fasiliti mesra pelawat. Namun, cabaran ini pada masa yang sama membuka ruang kepada strategi pembangunan baharu. Cadangan yang dikemukakan meliputi standardisasi garis panduan nasional, latihan dan pensijilan bagi sukarelawan Mosque Tour Guide, peningkatan infrastruktur mesra pelawat, strategi promosi digital bersepadu, dan pengukuhan penglibatan komuniti.

Dapatan utama kajian ini mencadangkan pembentukan kerangka konseptual Pelancongan Masjid Gaya Malaysia, yang menyeimbangkan empat dimensi utama iaitu fungsi ibadah, pendidikan dan dakwah, pemerikasaan komuniti, dan pengalaman pelawat dalam ruang lingkup tadbir urus bersepadu. Kerangka ini bukan sahaja memperkukuh sumbangan akademik dalam wacana pelancongan Islam, tetapi juga memberi implikasi praktikal kepada pembuat dasar, pengurus masjid, dan agensi pelancongan.

Sebagai penutup, kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang lebih empirikal. Kajian masa depan perlu mengesahkan kerangka yang dicadangkan melalui data lapangan, termasuk temu bual pengurus dan sukarelawan, serta tinjauan pelawat Muslim dan bukan Muslim. Penekanan juga wajar diberikan kepada urustadbir yang lebih seragam dan tersusun, kerjasama berkesan antara pemegang taruh (pihak berkuasa agama, ITC, jawatankuasa masjid, agensi pelancongan), serta penilaian fasiliti mesra pelawat seperti papan tanda multibahasa, interpretasi digital, dan ruang menunggu. Dengan pendekatan ini, kerangka pelancongan masjid gaya Malaysia dapat diperhalusi menjadi model pembangunan pelancongan Islam yang mampan, inklusif, dan berpaksikan komuniti.

Rujukan

- Abdul Aziz, M., Ibrahim, M., Shireen Jahnkassim, P., & Abdullah, A. (2016). Issues and Potential of Mosque as A Spiritual Tourism Destination in Malaysia. *Proceedings of ISER 22nd International Conference*, 1–6.
- Aizid, R. (2023). *Selayang Pandang Dinasti Utsmaniyah*. DIVA Press.
- Asif, N., Utaberta, N., Ismail, S., & Shaharil, M. I. (2021). The Study on the Functional Aspects of Mosque Institution. *Journal of Islamic Architecture*, 6(4), 229–236. <https://doi.org/10.18860/jia.v6i4.11749>
- Azarudin, A., Azman, C. M., Che Zuina, I., Wan Noor Hazlina, W. J., & Norhana, N. A. (2019). Dakwah Melalui Program Mosque Tour Guide Berasaskan Ilmu Perbandingan Agama di Masjid Kristal. *Research in Islamic Studies*, 6(Special Issues), 55–65.

- Azizan, M., Zulkefli, A., Khadar, Z., Noor, S., & Roslan, E. S. (2023). Mosque Tourism Satisfaction: A Comparative Study of Malaysia, Thailand, and Indonesia. *Information Management and Business Review*, 15(4), 369–380.
- Becker, E. (2018). Tour-guiding as a pious place-making practice: The case of the Sehlik Mosque, Berlin. *Annals of Tourism Research*, 73, 81–90. <https://doi.org/10.1016/j.annals.2018.09.009>
- Blue Mosque Tickets & Tours. (2024). *Exploring the blend of Islamic and Byzantine influences in Blue Mosque's architecture*. Blue Mosque Tickets & Tours Portal. <https://www.bluemosquetickets.com/facts/>
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Casablanca Hassan II Mosque. (2025). *Casablanca Hassan II Mosque*. Casablanca Hassan II Mosque Portal. <https://fmh2.ma/en>
- Creswell, J. W., & Creswell, D. J. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (5th ed.). SAGE Publications, Inc.
- Egresi, I., Bayram, B., Kara, F., & Kesik, O. A. (2012). Unlocking the Potential of Religious Tourism in Turkey. *GeoJournal of Tourism and Geosites*, 9(1). <http://gtg.webhost.uoradea.ro/>
- Islamic Tourism Centre. (2021, March 21). *Developing Mosques as a Tourist Attraction in Malaysia*. Islamic Tourism Centre Portal. <https://itc.gov.my/developing-mosques-as-a-tourist-attraction-in-malaysia/>
- Islamic Tourism Centre. (2025). *Echoes From Domes Mapping Mosques of Malaysia and Their Tales*.
- Kementerian Wilayah Persekutuan. (2022). *Masjid Jamek*. Projek River of Life (RoL). <https://rolkl.jwp.gov.my/ms/posts/masjid-jamek>
- Kessler, K. (2016). Conceptualizing Mosque Tourism: A central feature of Islamic and Religious Tourism. *International Journal of Religious Tourism and International Journal of Religious Tourism and Pilgrimage*, 3(2). <https://doi.org/10.21427/D7RB0G>
- Kessler, K., & Raj, R. (2018). Religious Tourism in the Sultanate of Oman: The Potential for Mosque Tourism to Thrive. In R. R. K. G. Ahmad Jamal (Ed.), *Islamic Tourism: Management of Travel Destinations* (pp. 124–140). CABI.
- Marzuki, S. N., Amoi, A., Sudin, A., Anak, D. S., Atang, N., Atiqah, A., Arsath, N., Liyana, N., Abidin, Z., Fadilah, N., Nawi, M., & Er, A. C. (2021). Tarikan Pelancongan Berasaskan Warisan di Kuala Lumpur. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(2), 243–261.
- Masjid Negara. (2024). *Latar Belakang Masjid Negara*. Laman Sesawang Masjid Negara.
- Ministry of Tourism, A. and C. M. (2020). *National Tourism Policy 2020-2030 Executive Summary*.
- Moghavvemi, S., Sulaiman, A., Taha, A. Z., Sukor, M. E. A., Mustapha, M. Z., Mohtar, M., Jaafar, N. I., & Zakaria, S. B. (2021). Factors Contributing to Mosque Tourism in Malaysia. In N. N. Md Shariff, N. Lateh, N. F. Zarmani, Z. S. Hamidi, Z. A. Abdulrazzak Aghwan, N. Mahalle, H. Yaacob, & T. Hisao (Eds.), *Enhancing Halal*

- Sustainability* (1st ed., pp. 77–86). Springer Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-33-4854-7_7
- Mohamed, I. S., Mustafa, N., Syed Yusuf, S. N., & Rozzani, N. (2023). Issues in Financial Governance Practices in Malaysia's Mosques. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 8(3), 134–146. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol8iss3pp134-146>
- Mosque Tour Malaysia. (2024). *Mosque Tour Malaysia - Mosque Tour Guide Program*. Mosque Tour Malaysia by IOAC. <https://www.mosquetourmalaysia.com/about/>
- Navajas-Romero, V., Hernández-Rojas, R. D., Hidalgo-Fernández, A., & Jimber del Rio, J. A. (2020). Tourist loyalty and mosque tourism: The case of the Mosque-Cathedral in Córdoba (Spain). *PLoS ONE*, 15(12 December). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0242866>
- Noor Fiteri, A., & Rita Nurshahrizad, M. R. (2018, February 8). Pendekatan Imarah Masjid Melalui Medium Pelancongan. *Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS2018)*.
- Rozali, S. A. M., & Idris, M. R. (2021). Pendekatan Dialog Antara Agama Menerusi Program Mosque Tour Guide (MTG) Di Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan Malaysia. *Malaysian Journal of Islamic Movements and Muslim Societies*, 1(1), 74–83.
- Sheikh Zayed Grande Mosque Centre. (2025). *Strategic Plan 2022-2026 - Sheikh Zayed Grande Mosque Centre*. <https://szgmc.gov.ae/en/strategicplan>
- Snyder, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, 104, 333–339. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2019.07.039>
- Sulaiman, M., Siraj, S. A., & Ibrahim, S. H. M. (2008). Internal Control Systems in West Malaysia's State Mosques. *American Journal of Islam and Society*, 25(1), 63–81. <https://doi.org/10.35632/ajis.v25i1.396>
- Umar, M. H., & Ashaari, M. F. (2019). Pelaksanaan dan Pengurusan Masjid Pelancongan di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 163–173.
- Utaberta, N., Yazid, M., & Yunos, M. (2015). Non-Muslims in Mosques: Expected Etiquettes and Participation with the Underlying Reasons. *Research Journal of Fisheries and Hydrobiology*, 10(14), 87–91. <https://www.researchgate.net/publication/286622791>
- Vaismoradi, M., Jones, J., Turunen, H., & Snelgrove, S. (2016). Theme development in qualitative content analysis and thematic analysis. *Journal of Nursing Education and Practice*, 6(5). <https://doi.org/10.5430/jnep.v6n5p100>
- Yusop, M. Z. M., & Man, R. (2016). A Study on The Tourist Interpretation Applied In Sultan Ahmad I Mosque, Kuantan, Pahang Darul Makmur. *Proceedings of the Asia Tourism Forum 2016 - the 12th Biennial Conference of Hospitality and Tourism Industry in Asia*. <https://doi.org/10.2991/atf-16.2016.72>
- Zulhaimi, N., Halim, M. S. A., & Hanefar, S. B. M. (2019). Motivation and Volunteerism Activities as Mosque Tour Guide in Terengganu, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i5/5881>